

11/01/2004

Penguin Langkawi

Hamzah Osman

APABILA menyebut penguin, pasti ramai yang mengakui hanya mengetahui habitat semula jadi haiwan itu melalui pembacaan atau menonton filem dokumentari yang pernah ditayangkan di kaca televisyen.

Bagaimanapun, mulai pertengahan tahun ini, penduduk tempatan dan pelancong yang berkunjung ke pulau pelancongan Langkawi berpeluang melihat burung yang boleh berenang tetapi tidak boleh terbang. Ini adalah salah satu tarikan baru di pulau legenda itu.

Impian itu akan menjadi kenyataan sebaik projek penguinarium berharga RM30 juta yang dibangunkan Eden Enterprise (M) Bhd (Eden) di Pantai Chenang, Langkawi siap sepenuhnya dan dijangka dibuka kepada umum Jun ini.

Projek pembinaan dua kompleks dengan tiga ekosistem bersebelahan Underwater World Langkawi (UWL) itu adalah cetusan idea bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sekembali beliau dari lawatan ke benua ais terbesar, Antartika.

Bagi merealisasikan hasrat itu, sebanyak 20 penguin daripada spesies Sub-Antartika tiba di Langkawi awal Disember lalu dan kini ditempatkan dalam sebuah bilik khas bersuhu bawah 10 darjah Celsius.

Pengurus Besar UWL, Tanzil Md Noor, berkata semua penguin terbabit diperoleh daripada pulau Tristan Da Cuha yang letaknya kira-kira 2,000 kilometer dari Afrika Selatan.

"Sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi selepas melalui kira-kira 16 jam penerbangan, penguin terbabit dibawa ke UWL dan diletakkan dalam sebuah bilik khas bersuhu 15 darjah Celsius untuk dikuarantin.

"Alhamdulillah, semua penguin itu berada dalam keadaan sihat sepanjang tempoh kuarantin dan sehingga kini dapat menyesuaikan diri dengan keadaan semasa," katanya ketika ditemui di pejabatnya, baru-baru ini.

Tanzil berkata, sepanjang tempoh kuarantin selama tujuh hari, penguin itu diawasi dari segi kesihatan dan pemakanan oleh seorang doktor pakar, Dr Jacquelyne Lusat.

Bagi mengelak sebarang kejadian buruk, katanya, suhu dalam bilik khas itu diturunkan perlahan-lahan daripada 15 darjah Celsius sehingga mencapai lapan darjah Celsius iaitu menyamai suhu di benua Antartika.

Sehingga menunggu penguinarium dibuka, pihak UWL kini membelanjakan kira-kira RM480 sehari untuk tujuan penyediaan makanan dan penjagaan kesihatan ke atas penguin yang berusia tiga hingga lima tahun dan berharga RM26,600 seekor.

Dalam usaha menjadikan penguinarium di Langkawi sebagai tempat tumpuan pelancong, Tanzil berkata, pihaknya yakin akan memperoleh 25 penguin lagi dari spesies 'Black-Foot' menjelang Jun ini.

Sebaik siap kelak, kompleks yang mempunyai keluasan kira-kira 60,000 kaki persegi itu bakal menempatkan tiga ekosistem yang sebahagiannya dibina khusus untuk penguin berenang, menyelam dan berehat.

Ada juga beberapa sudut khas untuk membolehkan orang ramai mendapat maklumat berkaitan penguin, gerai menjual cenderamata serta sudut bergambar kenangan bersama penguin yang akan ditempatkan dalam bilik berkaca.

Pihak UWL turut yakin penguinarium itu akan menjadi pusat penyelidikan berkaitan hidupan berkenaan membabitkan penyertaan masyarakat antarabangsa, sebaik dibuka kelak.

Ada kira-kira 17 spesies penguin di seluruh dunia. Bagaimanapun pada

peringkat permulaan, UWL hanya menjangkakan dapat memelihara dua spesies sahaja.

Sehubungan itu, dua kakitangan UWL sudah dihantar menjalani kursus berkaitan penguin di Underwater World New Zealand dan mereka bakal menjadi kakitangan penting untuk menjayakan misi berkenaan selepas pulang kelak.